



# BULETIN PERPUSTAKAAN UNISEL

SEPTEMBER - OKTOBER

BILANGAN 05 / 2023 (17)

## PAMERAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-17 DAN HARI KEMERDEKAAN KALI KE-66



**KURSUS KERJA BERPASUKAN DI  
THE KANDU TEMPURUNG VALLEY**



**BICARA PUSTAKAWAN  
GEJALA PLAGIAT  
AKADEMIK**

**PERPUSTAKAAN UNISEL  
ANJUR SEMINAR  
BIBLIOTERAPI**

# PEMBUKA BICARA

## 82 Dang PENGARANG

**PENASIHAT**  
Hafiz Abdul Rahim  
**EDITOR**  
Zairil Azwan Osman  
**PEREKA GRAFIK**  
Nor Suhaiza Zainol  
**PENULIS &  
JURUFOTO**  
Pustakawan  
Perpustakaan  
UNISEL  
**PENGEDARAN**  
Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

**Editor Buletin Perpustakaan UNISEL**  
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah  
Alam  
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-55223596  
Emel: zairil@unisel.edu.my

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kelima pada tahun 2023 (September - Oktober 2023), Perpustakaan UNISEL telah menganjurkan pameran Istiadat Konvokesyen UNISEL Kali Ke-17 dan Hari Kemerdekaan serta Sambutan Hari Malaysia bermula 4 September hingga 11 September 2023. Majlis perasmian pameran tersebut disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor.

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) juga telah menganjurkan Seminar Biblioterapi Pembangunan pada 23 dan 24 September 2023. Seminar ini bertumpu kepada pembangunan biblioterapi yang digunakan untuk membantu bukan sahaja kanak-kanak dan remaja malah individu daripada semua tahap umur dan latar belakang.

Selain itu, staf Perpustakaan UNISEL telah mengikuti kursus kerja berpasukan bertujuan memperkasa budaya kerja berpasukan di The Kandu Tempurung Valley, Gopeng, Perak. Kursus ini telah dihadiri seramai 35 orang terdiri daripada staf dari jabatan di bawah Pejabat Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) (APJI).

Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan tahniah kepada para graduan sempena Istiadat Konvokesyen UNISEL Kali Ke-17. Semoga kejayaan sentiasa menyertai langkah para graduan dan segala impian sentiasa berkembang dan menerangi langit.

Salam hormat,

**ZAIRIL AZWAN OSMAN**  
Editor  
zairil@unisel.edu.my

## ISI KANDUNGAN

Pameran Sempena Istiadat Konvokesyen Ke-17 dan Hari Kemerdekaan ke-66	1
Perpustakaan Unisel Anjur Seminar Biblioterapi	3
Kursus Kerja Berpasukan Di The Kandu Tempurung Valley	5
BICARA PUSTAKAWAN : Gejala Plagiat Akademik	7
Program Literasi Maklumat	10
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	12
Ulasan Buku	16
E-Resources	18

# PAMERAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-17 DAN HARI KEMERDEKAAN KE-66



Perpustakaan Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya telah menganjurkan pameran Istiadat Konvokesyen UNISEL Kali Ke-17 dan Hari Kemerdekaan serta Sambutan Hari Malaysia bermula 4 September hingga 11 September 2023.

Majlis perasmian pameran tersebut disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor.

Objektif pmeran ini adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan sejarah kemerdekaan Malaysia serta maklumat berkaitan Universiti Selangor. Pada tahun ini, bersempena Bulan Kemerdekaan ke-66 dan Hari Malaysia ke-60 pihak perpustakaan telah memilih tema ‘Watikah Pemasyuran Kemerdekaan’.

Pameran kemerdekaan kali ini bakal membawa pengunjung untuk bersama-sama merasai pengembalaan masa ke satu dekad yang telah mengubah sejarah negara kita. Pameran ini juga bakal menyingkap kapsul masa tokoh-tokoh yang telah menempa nama melakar sejarah negara kita bermula dari zaman Bapa Kemerdekaan sehinggalah tokoh masa kini.

Pihak Perpustakaan UNISEL juga pada tahun ini telah mempelbagaikan lagi bahan-bahan pameran untuk tatapan para pengunjung antaranya koleksi Buletin UNISEL, Buku Transformasi, gambar-gambar Naib Canselor, koleksi album, koleksi buku Istiadat Konvokesyen, koleksi teras strategik serta koleksi jubah.

Di majlis yang sama, turut berlangsung Majlis Penyampaian Hadiah kepada Pemenang Pertandingan



Video Pendek Cabaran Tiktok dimana tempat pertama dimenangi oleh Saudari Subaashini A/P Mohanasundram yang membawa pulang hadiah berupa tambah nilai Touch N Go bernilai RM150 beserta sijil penyertaan.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Afifah Jainuddin, Nurfatim Farisha Othman dan Putri Aulia Mohammad Zulkilfi Rimeo yang

membawa pulang hadiah berupa tambah nilai Touch N Go bernilai RM100 besertakan sijil penyertaan. Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Dayang Nurshahira Affiena Abang Masen yang mana membawa pulang tambah nilai Touch N Go bernilai RM50 besertakan sijil penyertaan.

Hadir memeriahkan majlis adalah Prof. Madya Dr. Hamdan Mohd Salleh, Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Hafiz Abdul Rahim Ketua Perpustakaan dan pengurusan tertinggi UNISEL serta kakitangan UNISEL.



# PERPUSTAKAAN UNISEL ANJUR SEMINAR BIBLIOTERAPI



Perpustakaan Universiti Selangor (UNISEL) dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah menganjurkan Seminar Biblioterapi Pembangunan pada 23 dan 24 September 2023 bertempat di Bilik Seminar, Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF), Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti pada 23 September 2023. Seminar tersebut dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada Pustakawan dan Pensyarah, Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak UNISEL serta guru-



guru dari Rohingya Education Centre (REC).

Seminar yang berlangsung selama dua hari ini telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri. Seminar ini bertumpu kepada pembangunan biblioterapi yang digunakan untuk membantu bukan sahaja kanak-kanak dan remaja malah individu daripada semua tahap umur dan latar belakang bagi meningkatkan tahap kesedaran diri, mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan.

Perpustakaan juga sedang dalam proses untuk meny-

diakan Sudut Biblioterapi di kampus Bestari Jaya dan Shah Alam sebagai usaha membudayakan terapi membaca dalam kalangan warga UNISEL.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairudin, Presiden Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) dan En. Hafiz Abdul Rahim Ketua Perpustakaan UNISEL.

.



# KURSUS KERJA BERPASUKAN DI THE KANDU TEMPURUNG VALLEY




**G**OPENG, pada tanggal 15 hingga 17 September 2023, para staf telah berada di The Kandu Tempurung Valley, Kampung Gunung Mesah Hulu, Kampung Gunung Panjang bagi mengikuti kursus kerja berpasukan bertujuan memperkasa budaya kerja berpasukan. Kursus ini telah dihadiri seramai 35 orang staf terdiri daripada jabatan di bawah APJI iaitu Pejabat Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri), Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pusat Pengajaran Digital dan Multimedia (PPDM), Pusat Penyelidikan dan Jaringan Industri (CRIL), Jabatan Kecermelangan Penyelidikan UNISEL (JKPU) dan Perpustakaan UNISEL.

Antara objektif pelaksanaan kursus ini ialah mempertingkatkan persefahaman dan sikap saling menghormati setia-kawan, memahami peranan dan nilai kepimpinan dalam pasukan untuk mencapai kecemerlangan organisasi, memahami kepentingan komunikasi berkesan, mengaplikasikan kemahiran dalam kaedah pemikiran strategik dan penyelesaian masalah secara kreatif untuk mengatasi isu-isu serta konflik dalam pasukan dengan berkesan dan memperkuuhkan budaya kerja berpasukan.

Kursus ini telah dimulakan dengan ucapan dan amanat oleh Ybhg. Dato Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman dan selepas itu bermula kursus kerja berpasukan yang dikendalikan oleh fasilitator dari Smart Progeny Resources PLT yang diketuai oleh Encik Mohamad Nizam Shariff. Pelbagai modul telah dilaksanakan oleh pihak fasilitator yang berfokuskan *team building*. Semua peserta telah memberi kerjasama yang cemerlang dalam menjayakan setiap aktiviti yang dijalankan. Banyak perkara telah dipelajari dan diperolehi sepanjang kursus ini. Semoga pasukan ini terus bersemangat menabur bakti kepada Universiti Selangor.



# GEJALA PLAGIAT AKADEMIK



Plagiarism' adalah megambil hakcipta orang lain ataupun idea orang sebagai hak persendirian tanpa ada rujukan (penghargaan) kepada penulis asal. Dalam erti kata lain, yang saya maksudkan di sini adalah copy-paste. Plagiarism atau amalan/budaya 'copy dan paste' kini makin berleluasa di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian atau universiti di negara kita. Amalan 'copy paste' ini berlaku apabila seseorang pelajar itu tengah kekeringan idea untuk menyiapkan sesuatu tugas-

yang diberikan kepadanya. Jika sebelum ini, buku rujukan akademik atau jurnal dijadikan sebagai rujukan untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah, namun kini rujukan utama para pelajar telah beralih arah kepada internet untuk mendapatkan maklumat dan sumber-sumber untuk menyiapkan tugas mereka.

Mengambil bulat-bulat atau sebahagian daripada karya milik orang lain dan memperakukan bahawa ianya adalah hasil karya sendiri adalah satu perbuatan yang membuktikan kemalasan seseorang yang melampau dan ia sungguh keji. Terdapat tiga

bentuk plagiarisme yang biasa diamalkan. Pertama, peniruan secara langsung perkataan-perkataan, perenggan-perenggan, atau sebarang bahan yang diambil daripada bahan terbitan orang lain tanpa usaha yang sewajarnya dalam mengiktiraf sumber asal bahan ilmiah tersebut. Kedua, pengubahsuaian perkataan-perkataan orang lain tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Ketiga, menggunakan idea-idea yang secara langsung diambil daripada orang lain tanpa memberikan pengiktirafan kepadanya.

Antara sebab berlakunya gejala plagiat akademik di kalangan

pelajar adalah pelajar kurang mahir mencari maklumat. Pelajar yang tidak didedahkan kepada kemahiran mencari maklumat akan mengalami kesulitan untuk menyiapkan sesuatu tugas. Situasi ini akan menyebabkan para pelajar lebih cenderung untuk melakukan plagiarism. Seharusnya, pelajar perlu

Dalam kekurangan masa tersebut, maka timbul idea mengambil hasil kerja atau buah fikiran pelajar yang lebih pandai dan menonjol dalam pembelajaran untuk menyiapkan tugas mereka. Faktor kekurangan masa tidak akan timbul kerana tempoh tugas yang diberikan oleh pensyarah untuk disiapkan oleh

Kebanyakan pelajar tidak tahu apa maksud sebenar plagiarism. Bagi mereka, menciplak kerja orang lain tidak menjadi kesalahan. Pelajar perlu kreatif dalam menyiapkan sesuatu tugas dan bukannya meniru bulat-bulat buah fikiran orang lain. Saya berpendapat, para pensyarah perlu mewujudkan satu sesi khas dengan



didedahkan dengan kemahiran mencari maklumat . Kemahiran mencari maklumat ini termasuklah cara menyelidik serta tahu objektif utama tugas mereka bagi mendapatkan sesuatu fakta yang tepat. Mungkin dengan cara ini, produk yang dikeluarkan oleh para pelajar lebih kreatif dan berkualiti.

Selain itu, tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyiapkan tugas adalah alasan yang kerap kali diajukan oleh pelajar.

pelajar adalah lebih daripada cukup. Mungkin sifat ambil mudah dan tidak prihatin tentang akademik yang wujud dalam diri sendiri pelajar itu sendiri menyebabkan masa yang diberikan oleh pensyarah itu tidak mencukupi. Apabila sifat ambil mudah ini wujud, maka pelajar tersebut lebih suka untuk meniru atau mengambil tugas orang lain.

Kurang kesedaran tentang plagiarism juga adalah sebab pelajar masih lagi melakukan kegiatan plagiat akademik.

pelajar untuk membincarakan tentang isu dan masalah para pelajar seperti isu plagiarism ini. Para pensyarah perlu sentiasa mengingatkan pelajar mereka tentang bahayanya amalan ‘copy paste’ ini. Para pelajar juga perlu menitikberatkan tentang masalah ini kerana pelajar itu sendiri akan mendapat kesan buruk sekiranya mereka sering mengamalkan amalan ini. Pastikan bahawa dalam buku panduan akademik di setiap universiti mengandungi maklumat dan kaedah


penulisan sumber rujukan atau bibliografi yang tepat sebagai cara mencegah dan menangani sebarang jenayah plagiarisme. Hanya dengan cara memberi pengiktirafan terhadap pemilik karya asal, barulah cedukan idea dan frasa-frasa tertentu dari karya asal tersebut dianggap ‘halal’ dalam konteks penulisan akademik.

Pihak pengurusan akademik boleh mengaplikasikan perisian komputer atas talian yang dapat mengesan sebarang aktiviti plagiarisme dalam penulisan tesis atau tugas pelajar. Perisian-perisian seperti ini diaplikasikan oleh kebanyakan universiti di seluruh dunia yang digunakan secara meluas dalam menangani isu plagiarisme dalam penulisan akademik oleh pelajar. Misalnya, perisian-perisian komputer seperti *Turnitin*, *Scan My Essay* dan *Word Check System* cukup komprehensif dan efektif dalam menemukan sebarang unsur plagiarisme dalam tesis dan penulisan akademik secara atas talian.

Pensyarah memainkan peranan dalam membimbing konsep plagiarisme kepada pelajar bukan sahaja dalam penulisan tesis tetapi juga dalam tugas, laporan mingguan, pembentangan dan sebagainya. Sebaik-baiknya, setiap pelajar harus dilatih menggunakan kaedah penulisan akademik yang baik dengan memasukkan idea mereka sendiri dan idea penyelidik yang berbeza ke dalam rujukan lain. Mereka perlu dilatih menggunakan tahap pemikiran yang lebih tinggi,

iaitu analisis kritis. Perlu diterangkan kepada pelajar tentang kepentingan kaedah penulisan rujukan yang betul bagi menghargai penulis dokument dalam tugas akademik pelajar. Pensyarah juga harus mengambil tindakan tegas terhadap pelajar yang terus menciplak kerja akademik mereka, dengan meminta mereka menyemak semula tugasannya atau melaporkannya kepada universiti. Pelajar perlu sedar bahawa penulisan akademik adalah satu usaha universiti untuk mengasah dan menyerlahkan tahap kebolehan akademik mereka sendiri. Jadikanlah penulisan akademik sebagai sumber terbaik untuk menyerlahkan daya pemikiran dan keintelektualan.

dipertingkatkan. Sememangnya jika dianalisis dari sudut etika dan agama, plagiarisme merupakan satu pelanggaran yang serius dan boleh membawa kepada dosa.



# PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



**06 SEPTEMBER 2023 |** Program Literasi Maklumat, Introduction to UNISEL Library dan Online database & Free Access Collection for Literature. Dihadiri oleh 55 orang pelajar dari program Diploma in Nursing, Fakulti Sains Kesihatan.



**29 SEPTEMBER 2023 |** Sesi Slot 1 Introduction to UNISEL Library @ Library Tour bagi pelajar-pelajar Program Mobiliti Antarabangsa dari Indonesia seramai 21 orang.

# PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



05 OKTOBER 2023 |

Sesi Slot 2 Citation Help: APA Citation Style 7th ed. bagi pelajar-pelajar Program Mobiliti Antarabangsa dari Indonesia seramai 21 orang.



# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



09 SEPTEMBER 2023 | Pertandingan bercerita kanak-kanak telah berlangsung di Sudut Kanak-kanak, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya. Pertandingan ini dapat mencungkil bakat kanak-kanak dalam aktiviti bercerita di kalangan kanak-kanak yang bertemakan "Semangat Kemerdekaan dan Nilai-nilai Murni". Seramai 10 orang kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun telah menyertai pertandingan ini dengan pelbagai cerita, gaya dan persembahan yang cukup menarik. Juara pertandingan bercerita ini telah dimenangi oleh adik Arissa Qaisara Binti Mohd Nazri, manakala naib juara dan tempat ketiga jatuh kepada adik Nur Aqeera Daniya binti Muhammad Naqeip dan adik Qamelia Nuradeelia Binti Mohd Ghadaffi. Sementara menanti barisan juri membuat penilaian ke atas persembahan peserta, semua tetamu cilik diberi peluang untuk mengisi masa dengan bermain permainan Dam Ular. Perpustakaan UNISEL akan meneruskan dan mempergiatkan aktiviti ini dan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa agar dapat menyemai dan mempertingkatkan pengetahuan dan minat membaca di kalangan kanak-kanak. dan mempertingkatkan pengetahuan dan minat membaca di kalangan kanak-kanak.

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



**09 SEPTEMBER 2023** | Pertandingan yang diadakan kali ketiga ini telah diadakan di Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Seramai 15 peserta telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan yang memberi peluang kepada peserta untuk meneroka Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya dengan lebih mendalam serta memupuk semangat berpasukan dan kerjasama antara ahli pasukan dan menguji kebijaksanaan dalam mengatur strategi dalam melengkapkan tugas ini telah dimenangi oleh :-

1. Kumpulan AMIQ (eWallet RM180 dan sijil)
2. Kumpulan Unoo Gang (eWallet RM150 dan sijil)
3. Kumpulan Tiga Bunga (eWallet RM75 dan sijil)
4. Kumpulan Lelaki Harapan Dunia (eWallet RM45 dan sijil)
5. Kumpulan Dreamers (eWallet RM45 dan sijil)

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



**19 SEPTEMBER 2023** | Pejabat Tadbir Urus Korporat dan Jaminan Kualiti (CGQA) telah membuat perkongsian maklumbalas yang diterima dari pelajar hasil dari Kajian Kepuasan Pelajar yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Perbincangan ini memfokuskan kepada aspek penambahbaikan berdasarkan maklumbalas yang telah diterima. CGQA diwakili Dr Izyani Mat Rusni selaku Timbalan Pengarah dan Perpustakaan disertai Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan dan Azman Ibrahim, Pustakawan.

**27 SEPTEMBER 2023** | Perpustakaan UNISEL meneruskan projek fasa 2 Pengorganisasian Bahan bagi tahun 2023 di Pusat Sumber IDE. Tugasan yang dijalankan meliputi semakan buku-buku yang tidak direkodkan dalam sistem, membuat katalog manual bagi buku-buku baharu serta terjemahan bagi buku bahasa Arab ke Melayu dibuat oleh pihak IDE melalui Ustaz Zulkifli. Perpustakaan diwakili Fara Nur Izwana Ismail (Pustakawan), Nor Suhaiza Zainol (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat) dan Norul Syahida Baharuddin (Pembantu Perpustakaan).



# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL

04 OKTOBER 2023 | Laporan Status Kecukupan Sumber Bagi Perkhidmatan Pendidikan: Bahan Rujukan Perpustakaan dibentangkan Ketua Perpustakaan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MPKP).



15 OKTOBER 2023 |  
Staf Perpustakaan UNISEL Nor Suhaiza Zainol dan Nor Suhaida Zainol telah mewakili Unit Integriti Unisel dalam acara boling bagi Sukan Integriti MBI dan merangkul Johan bagi kategori wanita .



# ULASAN BUKU



Title: College Success  
Edited by: Amy Baldwin  
ISBN: 9781951693176  
Call No: LB2343.3 .B57 2020  
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)  
Year of Publication: 2020  
Edition: -



"OpenStax College Success is a comprehensive and contemporary resource that serves First Year Experience, Student Success, and College Transition courses. Developed with the support of hundreds of faculty and coordinators, the book addresses the evolving challenges and opportunities of today's diverse students. Engagement, self-analysis, personal responsibility, and student support are reflected throughout the material. College Success also includes an array of student surveys and opinion polls, and OpenStax will regularly provide the results to adopting faculty."



(Sources from website "<https://openstax.org/details/books/college-success>")

Title: Spine Surgery: A Case-Based Approach  
Edited by: Bernhard Meyer & Michael Rauschmann  
ISBN: 978331998757  
Call No: RD768 .S65 2019  
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)  
Year of Publication: 2019  
Edition: -



This book covers the content of European postgraduate spine surgery courses, using a case-based approach. It describes a stepwise solution to a real-world clinical problem and compares this with the best available evidence. It then provides suggestions on how to bridge the gap (if there is one) between standard of care and evidence-based medicine. Spine Surgery: A Case-Based Approach is aimed at postgraduate students of spine surgery (both trainee neurosurgeons and trainee orthopedic surgeons), and is also of interest to medical students.

(Sources from website "<https://link.springer.com/book/10.1007/978-3-319-98875-7#about-this-book>")




Judul: Pemimpin Hebat  
Penulis: Dr. Thariq Muhammad As-Suwaidan & Prof. Dr. Faishal Umar Basyarahil,  
Diterjemah oleh: Najib Junaidi  
ISBN: 9789674391324  
No. Panggilan: BP190.5 .S89 2015  
Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Shah Alam  
Tahun Terbitan: 2015  
Edisi: -



"Khadijah bukan sekadar isteri seorang nabi. Dia adalah sahabat pilihan Allah. Insan pertama yang beriman, berkorban dan berjuang di sisi utusan Allah pada setiap masa dan ketika. Setiap detik waktu, segala harta dan seluruh jiwanya adalah didedikasikan buat Allah dan rasul. Dia serikandi yang sentiasa dalam perjuangan menegakkan syiar Islam. Dia teman tempat mengadu segala suka dan duka. Kekasih yang menenangkan jiwa dan bidadari yang melengkapi hidup seorang suami. Khadijah adalah lambang cinta yang suci, tulus, mekar mewangi sepanjang zaman. Buku ini menyorot segalanya tentang kehidupan isteri, kekasih dan sahabat yang paling dicintai Rasulullah; salasilah keturunan, kerjaya, peribadi, pengorbanan dan episod cinta suci yang tidak berbelah bahagi.

(Dipetik dari buku "Pemimpin Hebat")


# ULASAN BUKU



Title: An Introduction to Accounting and Managerial Finance: A Merger of Equals  
Edited by: Harold Bierman  
ISBN: 9789814273824  
Call No: HF5636 .B55 2010  
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)  
Year of Publication: 2010  
Edition: -

This book introduces corporate financial management, based on the basic capital budgeting framework and the time value of money. It focuses on theoretical formulations and correct application of financial techniques that will help improve managerial and financial decisions. Based on fundamental principles of accounting and finance like time value of money and after-tax cash flows, it introduces readers to real-world constraints and complexities in the two fields. Written in a simple and accessible manner, this book can be read by students of finance and accounting courses, business professionals and general public alike.

(Sources from web" <https://www.worldscientific.com/worldscibooks/10.1142/7318#t=aboutBook>")



Judul: Khadijah: Cinta Abadi Kekasih Nabi  
Penulis: Dr. Muhammad Abdur Yamani  
ISBN: 9789675137426  
No. Panggilan: BP76.8 .M263 2009  
Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Shah Alam & Bestari Jaya  
Tahun Terbitan: 2009  
Edisi: -



"Khadijah bukan sekadar isteri seorang nabi. Dia adalah sahabat pilihan Allah. Insan pertama yang beriman, berkorban dan berjuang di sisi utusan Allah pada setiap masa dan ketika. Setiap detik waktu, segala harta dan seluruh jiwanya adalah didedikasikan buat Allah dan rasul. Dia serikandi yang sentiasa bersama dalam perjuangan menegakkan syiar Islam. Dia teman tempat mengadu segala suka dan duka. Kekasih yang menenangkan jiwa dan bidadar yang melengkap hidup seorang suami. Khadijah adalah lambang cinta yang suci, tulus, mekar mewangi sepanjang zaman. Buku ini menyorot segalanya tentang kehidupan isteri, kekasih dan sahabat yang paling dicintai Rasulullah; salasilah keturunan, kerjaya, peribadi, pengorbanan dan episod cinta suci yang tidak berbelah bahagi."

(Dipetik dari buku "Khadijah: Cinta Abadi Kekasih Nabi")

Title: Visible Signs: An Introduction to Semiotics in The Visual Arts  
Edited by: David Crow  
ISBN: 9781350164949  
Call No: P99 .C33 2022  
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)  
Year of Publication: 2022  
Edition: -



Basic semiotic theories are taught in most art schools as part of a contextual studies program, but many students find it difficult to understand how these ideas might impact on their own practice. Visible Signs tackles this problem by introducing key theories and concepts, such as signs and signifiers, and language and speech, within the framework of visual communication. Each chapter provides an overview of a particular facet of semiotic theory, with inspiring examples from graphic design, typography, illustration, advertising and art to illustrate the ideas discussed in the text. Creative exercises at the end of the book will help exemplify these ideas through practical application.

(Sources from web" <https://www.bloomsbury.com/uk/visible-signs-9781350164949/>)



# E-RESOURCES

**GALE** **unisel** **unisel library**

## ACADEMIC ONEFILE

GALE PRODUCT MENU

More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Business & Management - Communication & Mass Media - Education - Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Multi-disciplinary Click for easy access to articles aligned to major topics of study

User friendly platform Spend less time searching and more time digging in

Rich in content More than 20,000 titles available, with scholarly and peer-reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS  
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN  
[nur\\_adna@unisel.edu.my](mailto:nur_adna@unisel.edu.my)  
+603-3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS  
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN  
[zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)  
+603-5522 3596

Unisel Library <http://library.unisel.edu.my>

## Academic OneFile

## Emerald Publishing Limited

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:  
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :  
Bestari Jaya Campus  
Nur Adna binti Roduan  
[nur\\_adna@unisel.edu.my](mailto:nur_adna@unisel.edu.my)  
03-32805081

Shah Alam Campus  
Zairil Azwan B. Osman  
[zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)  
03-55223596

unisel library

emerald insight  
**Education eJournals** 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

Discover how the subject experts in your field have written about the following topics:  
 • Educational administration and leadership  
 • Vocational education and training  
 • Higher education  
 • Sustainability in higher education  
 • Technology in education  
 • Early childhood education  
 • Curriculum development and assessment  
 • Special education  
 • Work-based learning  
 • Distance learning

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:  
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :  
Bestari Jaya Campus  
Nur Adna binti Roduan  
[nur\\_adna@unisel.edu.my](mailto:nur_adna@unisel.edu.my)  
03-32805081

Shah Alam Campus  
Zairil Azwan B. Osman  
[zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)  
03-55223596

unisel library

emerald insight  
**HR, Learning & Organization Studies eJournals** 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

Discover how the subject experts in your field have written about the following topics:  
 • The future of trade unions  
 • Performance management  
 • Organizational culture  
 • Work engagement  
 • Cross cultural employment  
 • Workplace diversity  
 • Workforce planning  
 • Learning and development  
 • The impact of Brexit on the labour force

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:  
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :  
Bestari Jaya Campus  
Nur Adna binti Roduan  
[nur\\_adna@unisel.edu.my](mailto:nur_adna@unisel.edu.my)  
03-32805081

Shah Alam Campus  
Zairil Azwan B. Osman  
[zairil@unisel.edu.my](mailto:zairil@unisel.edu.my)  
03-55223596

unisel library

emerald insight  
**Business, Management & Strategy eJournals** 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

Discover how the subject experts in your field have written about the following topics:  
 • Management for performance  
 • Strategic orientation  
 • Business ethics  
 • Innovation and entrepreneurial strategies  
 • Organizational behaviour  
 • Business ethics and law  
 • Conflict resolution  
 • Business leadership  
 • Emerging markets  
 • Family business

A poster for library services. It features a stack of colorful books on the left and a blue arrow pointing from the text 'NEED HELP?' to the 'CONNECT WITH US' section on the right. The 'unisel library' logo is at the top right. The 'CONNECT WITH US' section includes links for website (<http://library.unisel.edu.my>), email (sirkulasi@unisel.edu.my), and live chat. A message below states: 'If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates'. Contact numbers and campus details for Customer Service, Reference Service, and BJ Campus are listed at the bottom. The footer includes the library's website, logo, and social media icons.